Nordin bin A Kadir lwn Mohd Faiz Izwan bin Jamaludin (tindakan ini dibawa oleh Puan Jama'ayah bt Mohamed sebagai ibu kandung dan sahabat wakil yang sah) dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN SIVIL NO 12BNCVC-84–07 TAHUN 2012
UMI KALTHUM H
30 OKTOBER 2012

Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Rayuan — Rayuan terhadap kecederaan-kecederaan dan terhadap ganti rugi khas — Sama ada HMS mengambil kira perkara-perkara yang wajar sebelum memberi award — Sama ada amaun yang diawardkan munasabah — Sama ada amaun yang diawardkan tinggi sehinggakan mahkamah ini terpaksa mencelah mengubahnya

Perayu telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') mengenai isu kuantum yang diberi kepada responden kedua. Pihak-pihak telah bersetuju tentang isu liabiliti di mana perayu/defendan bertanggungan 90% dan responden-responden/plaintif-plaintif bertanggungan 10%. Dalam kes ini motosikal yang ditunggang oleh responden pertama dengan dibonceng oleh responden kedua bertembung dengan motosikal yang ditunggang oleh perayu. Akibat kemalangan itu responden pertama dan kedua mengalami kecederaan. Yang menjadi isu dalam rayuan ini adalah terhadap enam jenis kecederaan dan juga terhadap ganti rugi khas. Enam jenis kecederaan itu adalah seperti berikut: (a) *closed fracture right radial styloid*; (b) *closed crack fracture medical condyle of the right femur*; (c) *abrasion wound at the right leg*; (d) *anterior cruciate ligament* ('ACL'); (e) *muscle wasting*; dan (f) *permanent scars*.

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan perayu dengan kos:

(1) Bagi kecederaan *closed fracture right radial styloid*, HMS telah mengawardkan RM20,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Md Shaat b Abd Jalil v Rusita bt Jerai & Anor* dan selepas mengambil kira ketidakupayaan, kesakitan dan penderitaan yang dialami menurut laporan perubatan pakar. Rayuan perayu terhadap award bagi kecederaan ini ditolak kerana HMS telah pun mengambil kira perkara-perkara yang wajar sebelum memberi award itu dan amaun yang diawardkan itu adalah yang munasabah (lihat perenggan 6–8).

(2) Bagi *closed crack fracture medial condyle of the right femur*, HMS telah mengawardkan RM25,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Samad b Bahari & Anor v Abd Rahman b Ibrahim & Anor* serta laporan perubatan. HMS telah pun mengawardkan suatu amaun yang sangat

munasabah berdasarkan kecederaan-kecederaan/kecacatan lain yang dialami/bakal dialami oleh responden kedua akibat kecederaan ini (lihat perenggan 9–10).

(3) Bagi kecederaan *abrasion wound at the right leg*, HMS telah mengawardkan RM4,000 berpandu kepada kes *Lakshman Kumar a/l Udayakumar & Anor v Sun Sew Kang @ Sum Siew Kong & Anor*. Amaun yang diawardkan oleh HMS tidaklah sebegitu tinggi sehinggakan mahkamah ini terpaksa mencelah mengubahnya (lihat perenggan 11).

(4) Bagi kecederaan *anterior cruciate ligament* (ACL), HMS telah mengawardkan RM15,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Karthigesu a/l Selvarajoo & 3 Ors v Mani a/l Appanan* dan dengan mengambil kira laporan perubatan pakar. Award tersebut tidak sepatutnya diberi kerana ianya adalah sebahagian daripada '*residual disabilities*' '*closed crack fracture medial condyle of the right femur*' (lihat perenggan 12–13).

(5) Bagi kecederaan *muscle wasting*, HMS telah mengawardkan RM10,000 bagi kecederaan ini berpandu kepada kes *Subramaniam a/l Yagambaran v Mishan a/l Sahli & Anor*. Rayuan perayu dibenarkan bagi kecederaan ini kerana kecederaan ini telah pun diambil kira oleh HMS semasa menimbang ganti rugi bagi '*closed crack fracture medial condyle of the right femur*' dan juga '*closed fracture right radial styloid*' (lihat perenggan 15–16).

(6) Bagi *permanent scars*, HMS telah mengawardkan RM4,000 bagi kecederaan ini. Memandangkan terdapat dua parut berukuran 5 x 2cm dan 4 x 2cm di bahagian lutut kanan responden kedua itu, mahkamah berpendapat amaun award tersebut adalah bermunasabah (lihat perenggan 17–18).

(7) Bagi ganti rugi khas, atas 100% liabiliti, HMS telah mengawardkan 1/3 dari RM35,000 = RM11,700 sebagai suatu jumlah yang munasabah bagi responden kedua. Memandangkan HMS telah tersilap mengira amaun ini, maka mahkamah ini membenarkan rayuan perayu terhadap amaun ganti rugi khas itu dan menggantikan keputusan HMS dengan jumlah RM10,530 (lihat perenggan 19–20).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant appealed against the decision of the sessions court judge ('SCJ') on the issue of quantum awarded to the second respondent. The parties had agreed on the issue of liabilities where the appellant/defendant was 90% liable and the respondents/plaintiffs were 10% liable. In this case, the motorcycle ridden by the first respondent with the second respondent as the pillion collided with the motorcycle ridden by the appellant. As a result of the accident, the first and second respondents suffered injuries. The issues in this

appeal were against the six types of injuries sustained and also against the special damages. The six types of injuries were as follows (a) closed fracture right radial styloid; (b) closed crack fracture medical condyle of the right femur; (c) abrasion wound at the right leg; (d) anterior cruciate ligament ('ACL'); (e) muscle wasting; and (f) permanent scars.

Held, allowing the appellant's appeal in part with costs:

(1) For the injury of closed fracture right radial styloid, the SCJ had awarded RM20,000 for this injury based on the case of *Md Shaat b Abd Jalil v Rusita bt Jerai & Anor* and upon taking into account the inability, pain and suffering suffered based on the specialist's medical report. The appellant's appeal against the award for this injury was dismissed as the SCJ had already considered the appropriate matters before allowing the award and the amount awarded was reasonable (see paras 6–8).

(2) For the closed crack fracture medial condyle of the right femur, the SCJ had awarded RM25,000 for this injury based on the case of *Samad b Bahari & Anor v Abd Rahman bin Ibrahim & Anor* as well as the medical report. The SCJ had already awarded a very reasonable amount based on the other injuries/disabilities sustained by the second respondent as a result of the accident (see paras 9–10).

(3) For the injuries of abrasion wound at the right leg, the SCJ awarded RM4,000 based on the case of *Lakshman Kumar a/l Udayakumar & Anor v Sun Sew Kang @ Sum Siew Kong & Anor*. The award allowed by the SCJ was not so high warranting this court to interfere to make changes (see para 11).

(4) For the injuries of anterior cruciate ligament (ACL), the SCJ had awarded RM15,000 for this injury based on the case of *Karthigesu a/l Selvarajoo & 3 Ors v Mani a/l Appanan* and upon considering the specialist's medical report. The award ought not to have been allowed as it was part of the residual disabilities of closed crack fracture medial condyle of the right femur (see paras 12–13).

(5) For the injuries of muscle wasting, the SCJ had awarded RM10,000 for this injury based on the case of *Subramaniam a/l Yagambaran v Mishan a/l Sahli & Anor*. The appellant appeal was allowed for this injury as this injury had already been considered by the SCJ when considering the damages for 'closed crack fracture medial condyle of the right femur' as well as 'closed fracture right radial styloid' (see paras 15–16).

(6) For the permanent scars, the SCJ had awarded RM4,000 for this injury. As there were two scars by the size of 5 x 2cm and 4 x 2cm on the right knee of the second respondent, the court was of the view that the amount of the award was reasonable (see paras 17–18).

(7) As for the special damages, on the 100% liability, the SCJ had awarded 1/3 of RM35,000 = RM11,700 as a reasonable amount for the second respondent. As the SCJ had erred in his calculation of this amount, this court had thus allowed the appellant's appeal against the amount for special damages and substituted the SCJ's decision with the amount of RM10,530 (see paras 19–20).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kuantum, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 359.

Kes-kes yang dirujuk

Karthigesu a/l Selvarajoo & 3 Ors v Mani a/l Appanan [2012] 1 PIR [17] (diikut)
Lakshman Kumar a/l Udayakumar & Anor v Sun Sew Kang @ Sum Siew Kong & Anor [2011] 1 PIR [6] (diikut)
Md Shaat b Abd Jalil v Rusita bt Jerai & Anor [2011] 2 PIR [59] (diikut)
Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Muhammad Ghazali [2009] 1 PIR [19] (dirujuk)
Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang [1985] 1 MLJ 153, MP (dirujuk)
Samad b Bahari & Anor v Abd Rahman b Ibrahim & Anor [2010] 1 PIR [6] (diikut)
Subramaniam a/l Yagambaran v Mishan a/l Sahli & Anor [2010] 2 PIR [63] (diikut)

Mohamad Fadzli bin Ab Kadir (Sennyah & Co) bagi pihak perayu/defendan.
(Rugber Singh & Partners) bagi pihak responden/plaintif.

Umi Kalthum H:

RAYUAN

[1] Perayu telah merayu terhadap keputusan tuan hakim mahkamah sesyen ('HMS') di Muar yang telah diberikan pada 29 Jun 2012 mengenai isu kuantum sahaja.

[2] Pihak-pihak telah bersetuju tentang isu liabiliti di mana perayu/defendan bertanggungan 90% dan responden-responden/plaintif-plaintif bertanggungan 10%.

FAKTA

[3] Semasa hujahannya peguamcara perayu-perayu telah hanya merayu terhadap kuantum yang diberi kepada responden kedua. Dengan itu saya akan

hanya menumpu terhadap isu kuantum tersebut. Pihak responden-responden telah memfailkan hujahannya pada saat-saat terakhir.

[4] Dalam kes ini kemalangan berlaku pada 4 Jun 2012 jam 12.30 tengah hari apabila motosikal responden pertama yang ditunggang oleh responden pertama No JME 2059 dengan dibonceng oleh responden kedua bertembung dengan motosikal No JKR 2403 yang ditunggang oleh perayu. Akibat kemalangan itu responden pertama dan kedua mengalami kecederaan.

[5] Yang menjadi isu dalam rayuan ini adalah terhadap enam jenis kecederaan dan juga terhadap ganti rugi khas. Enam jenis kecederaan itu adalah seperti berikut:

(a) *closed fracture right radial styloid;*

(b) *closed crack fracture medical condyle of the right femur;*

(c) *abrasion wound at the right leg;*

(d) *anterior cruciate ligament* ('ACL');

(e) *muscle wasting;* dan

(f) *permanent scars.*

KEPUTUSAN

Closed fracture right radial styloid

[6] Tuan HMS telah mengawardkan RM20,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Md Shaat b Abd Jalil v Rusita bt Jerai & Anor* [2011] 2 PIR [59] dan selepas mengambil kira ketidakupayaan, kesakitan dan penderitaan yang dialami menurut laporan perubatan pakar bertarikh 7 Oktober 2011 oleh Dr Joseph Yap Chong Kiat yang adalah lebih teruk daripada kes *Md Shaat*. Doktor tersebut telah mendapati responden kedua mengalami kecacatan:

(a) *permanent restriction of wrist dorsi flexion by 10 degrees;*

(b) *residual right wrist ache on exertion and weakness;*

(c) *there is a residual right forearm muscle wasting — the 0.5m discrepancy is significant as she is a right hander;* dan

(d) *power of right wrist movements is reduced slightly (grade 4+).*

[7] Perayu berhujah jumlah tersebut adalah tinggi berbanding dengan keadaan sebenar kecederaan responden kedua ini. Bahawa nas tersebut

bukanlah yang terbaik diikuti memandangkan tidak dapat ditentukan sama ada kecederaan dan 'residual disabilities' yang responden kedua alami adalah jauh lebih teruk dari apa yang responden kedua alami dalam kes tersebut. Perayu mencadangkan jumlah RM10,000 adalah memadai bagi kecederaan ini berdasarkan Compendium of Personal Injury Awards ('Compendium').

[8] Setelah saya meneliti nas-nas yang dirujuk itu, di mana Compendium itu telah pun memberi suatu julat amaun (*range of amounts*) antara RM10,000 (rendah) sehingga RM25,000 (tinggi) bagi kecederaan 'radius', saya menolak rayuan perayu terhadap award bagi kecederaan ini dan mengekalkan award tuan HMS itu. Saya dapati tuan HMS telah pun mengambil kira perkara-perkara yang wajar sebelum memberi award itu dan amaun yang diawardkan itu adalah yang munasabah.

Closed crack fracture medial condyle of the right femur

[9] Tuan HMS telah mengawardkan RM25,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Samad b Bahari & Anor v Abd Rahman bin Ibrahim & Anor* [2010] 1 PIR [6] serta laporan perubatan Dr Joseph Yap Chong Kiat itu di mana doktor tersebut telah menyatakan:

(a) *power of right knee movements reduced (grade 4+);*

(b) *residual right knee weakness and instability;*

(c) *right knee swelling;*

(d) *due to her injuries Fatin Nabila is more suited for sedentary or light physical work;* dan

(e) *a future consideration is the ACL laxity and medial condyle femur fracture will predispose the right knee to accelerated degeneration.*

[10] Peguamcara perayu berhujah, atas alasan yang sama, bahawa jumlah RM18,000 adalah lebih wajar berdasarkan Compendium. Atas sebab yang sama, saya menolak rayuan perayu berhubung award bagi kecederaan ini dan mengekalkan award tuan HMS. Compendium telah pun memberi julat amaun antara RM18,000 (rendah) sehingga RM40,000 (tinggi) bagi kecederaan 'femur (simple fracture)'. Bagi saya tuan HMS telah pun mengawardkan suatu amaun yang sangat bermunasabah berdasarkan kecederaan-kecederaan/kecacatan lain yang dialami/bakal dialami oleh responden kedua akibat kecederaan ini.

Abrasion wound at the right leg

[11] Tuan HMS telah mengawardkan RM4,000 berpandu kepada kes

Lakshman Kumar a/l Udayakumar & Anor v Sun Sew Kang @ Sum Siew Kong & Anor [2011] 1 PIR [6]. Peguamcara perayu berhujah amaun tersebut adalah terlalu tinggi dan berdasarkan Compendium itu, amaun sebanyak RM1,000 dicadangkan diawardkan berdasarkan kecederaan sebenar yang dialami oleh responden kedua. Walaupun saya bersetuju dengan hujahan peguam perayu terhadap kecederaan yang sebenar yang dialami oleh responden kedua tidaklah seteruk dengan yang dialami oleh plaintif dalam kes *Lakshman Kumar* (17.5cm x 6cm *abrasion scar*) namun saya tidak membenarkan rayuan ini dan mengekalkan award tuan HMS itu memandangkan amaun yang diawardkan oleh tuan HMS tidaklah sebegitu tinggi sehinggakan mahkamah ini terpaksa mencelah mengubahnya (lihat kes Mahkamah Persekutuan *Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang* [1985] 1 MLJ 153).

Anterior Cruciate ligament (ACL)

[12] Tuan HMS telah mengawardkan RM15,000 bagi kecederaan ini berpandukan kes *Karthigesu a/l Selvarajoo & 3 Ors v Mani a/l Appanan* [2012] 1 PIR [17] dengan mengambil kira pendapat Dr Joseph Yap Chong Kiat:

(a) *it is noted that there is marked laxity of the right knee Anterior Cruciate Ligament (ACL) causing abnormally increased translation (gliding) of the right tibia on the right femur*; dan

(b) *ACL laxity and medial condyle femur fracture will predispose the right knee to accelerated degeneration*.

[13] Peguamcara perayu berhujah bahawa award ini tidak sepatutnya diberi kerana ianya adalah sebahagian daripada 'residual disabilities' 'closed crack fracture medial condyle of the right femur'.

[14] Saya bersetuju dengan hujahan peguamcara perayu itu. Oleh itu saya membenarkan rayuan perayu terhadap kecederaan ini dan mengenepikan award Tuan HMS itu. Tiada amaun diawardkan bagi yang didakwa kecederaan ini.

Muscle wasting

[15] Tuan HMS telah mengawardkan RM10,000 bagi kecederaan ini berpandu kepada kes *Subramaniam a/l Yagambaran v Mishan a/l Sahli & Anor* [2010] 2 PIR [63]. Peguamcara perayu berhujah bahawa award ini tidak sepatutnya diberi kepada responden kedua kerana ia adalah sebahagian daripada 'residual disabilities' kecederaan 'closed crack fracture medial condyle of the right femur'.

[16] Saya membenarkan rayuan perayu bagi kecederaan ini dan

mengenepikan keputusan Tuan HMS itu kerana kecederaan ini telah pun diambil kira oleh tuan HMS semasa menimbang ganti rugi bagi 'closed crack fracture medial condyle of the right femur' dan juga 'closed fracture right radial styloid'. Tiada amaun diawardkan bagi yang didakwa kecederaan ini.

Permanent scars

[17] Tuan HMS telah mengawardkan RM4,000 bagi kecederaan ini dan telah menolak nas responden kes *Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Muhammad Ghazali* [2009] 1 PIR [19] bagi amaun RM10,000 sebagai terlalu tinggi. Namun beliau mengambil kira fakta bahawa dua kesan parut itu adalah kekal. Peguamcara perayu mencadang amaun sebanyak RM2,000 sebagai yang munasabah berdasarkan Compendium yang memberi julat amaun antara RM2,000 (rendah) sehingga RM10,000 (tinggi).

[18] Memandangkan terdapat dua parut berukuran 5 x 2cm dan 4 x 2cm di bahagian lutut kanan responden kedua itu, saya berpendapat amaun award tersebut bermunasabah. Dengan itu saya menolak rayuan perayu bagi kecederaan ini dan mengekalkan keputusan Tuan HMS itu.

Ganti rugi khas

[19] Atas 100% liabiliti, Tuan HMS telah mengawardkan 1/3 dari RM35,000 = RM11,700 sebagai suatu jumlah yang munasabah bagi responden kedua walhal dihujahkan oleh peguamcara perayu atas 90% liabiliti jumlah tersebut adalah RM10,530.

[20] Saya membenarkan rayuan perayu terhadap amaun ganti rugi khas ini dan menggantikan keputusan Tuan HMS dengan jumlah RM10,530. Jelas bagi saya Tuan HMS telah tersilap mengira amaun ini.

KESIMPULAN

[21] Berdasarkan alasan-alasan saya di atas saya membenarkan sebahagian rayuan perayu dan menolak sebahagian rayuan perayu dengan kos RM1,500 dan mengekalkan sebahagian keputusan Tuan HMS dan menggantikan sebahagian keputusan Tuan HMS seperti berikut:

		Award HMS	
(a)	closed fracture right radial styloid	RM20,000	kekal;
(b)	closed crack fracture medial condyle of right femur	RM25,000	kekal;

(c)	abrasion wound at the right leg	RM4,000	kekal;
(d)	anterior cruciate ligament (ACL)	RM15,000	rayuan dibenarkan; tiada amaun diawardkan.
(e)	muscle wasting	RM10,000	rayuan dibenarkan; tiada amaun diawardkan.
(f)	permanent scars	RM4,000	kekal;
(g)	ganti rugi khas	RM11,700	rayuan dibenarkan dan amaun RM10,530 digantikan.

Sebahagian rayuan perayu dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed